

U 8835 DEB

MAHKAMAH - FEER (ULANGAN MEMBETULKAN PARA AKHIR)

(I)

KUALA LUMPUR, 16 MEI (BERNAMA) -- MAHKAMAH TINGGI AKAN MEMBUAT KEPUTUSAN PADA 17 JUN TERHADAP PERMOHONAN PERDANA MENTERI UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT DARIPADA FAR EASTERN ECONOMIC REVIEW DAN PENGARANGNYA BERHUBUNG LAPORAN YANG MENGATAKAN PENJUALAN LIMBANG KEPADA BRUNEI DARUSSALAM.

HAKIM DATUK AJAIB SINGH MENANGGUHKAN KEPUTUSAN SELEPAS MENDENGAR PENGHUJAHAN OLEH PEGUAM KANAN PERSEKUTUAN, T. SELVENTHIRANATHAN, YANG MEWAKILI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, DAN MUHAMMAD SHAFEE ABDULLAH, MEWAKILI DEFENDEN.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENGEMUKAKAN SAMAN MALU TERHADAP MAJALAH BERITA MINGGUAN YANG BERIBU PEJABAT DI HONG KONG ITU DAN PENGARANGNYA, DEREK DAVIES, BERHUBUNG MAKALAH YANG DISIARKAN DALAM KELUARAN 21 MEI TAHUN LEPAS.

ARTIKEL ITU, BERTAJUK '+SARAWAK SALE?' MENDAKWA BAHAWA DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBINCANGKAN KEMUNGKINAN PENJUALAN LIMBANG KEPADA BRUNEI PADA HARGA PERMULAAN AS\$6,000 JUTA (KIRA-KIRA \$15,000 JUTA) SEMASA LAWATANNYA KE NEGARA TERSEBUT PADA MAC, TAHUN LEPAS.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENUNTUT GANTI RUGI BAGI PENGHINAAN YANG TERKANDUNG DALAM KENYATAAN MEMOHON MAAF BERHUBUNG DENGAN ARTIKEL ITU. - LAGI.

1817MST 16 05 88

U 8833 DEB

MAHKAMAH - FEER 2 KUALA LUMPUR

(I)

DALAM PEMBELAAN MEREKA, MAJALAH ITU DAN PENGARANGNYA, MENAFIKAN ARTIKEL ITU BERTUJUAN MENGHINA PERDANA MENTERI DAN JIKA IA BERBENTUK MENGHINA, IA DITERBITKAN DENGAN HAK ISTIMEWA KERANA DATUK SERI DR MAHATHIR MERUPAKAN SEORANG TOKOH TERKENAL DI MALAYSIA DAN DUNIA.

SEBELUM ITU, ENCIK SHAFEE BERKATA, TIDAK ADA SEBAB YANG MENDESAK UNTUK DIDEDAHKAN MAKLUMAT SEPERTI APA YANG DIKATAKAN PENJUALAN LIMBANG TIDAK MENGANCAM KESELAMATAN NASIONAL.

BELIAU MENYOKONG HUJAHNYA DENGAN MENYATAKAN BAHAWA PENJUALAN LIMBANG YANG DICADANGKAN DIKATAKAN TIDAK PERNAH WUJUD SEPERTI YANG DIDAKWA OLEH PLAINTIF.

ENCIK SHAFEE, KETIKA MENGGESA MAHKAMAH MENOLAK PERMOHONAN DENGAN KOS, BERKATA MAHKAMAH HANYA BOLEH MEMERINTAHKAN MAJALAH DAN DAVIES MENDEDAHKAN SUMBER-SUMBER JIKA PLAINTIFF DAPAT MEMBUKTIKAN YANG MAKALAH ITU MENGANCAM KESELAMATAN NEGARA DAN MENCABULI AKTA RAHSIA RASMI.

BELIAU JUGA BERKATA SUMBER-SUMBER ITU JIKA DIDEDAHKAN AKAN MENGAKIBATKAN GANGGUAN, YANG BUKANNYA DATANG DARIPADA PLAINTIF TETAPI DARIPADA PENYOKONGNYA. -- LAGI

1813MST 16 05 88

U 8834 DEB

MAHKAMAH - FEER 3 KUALA LUMPUR

(I)

PENDEDAHAN SUMBER, HUJAH BELIAU, ADALAH TIDAK ADIL PADA PENDENGARAN ITU.

ENCIK SELVENTHIRANATHAN BERKATA, DEFENDEN MESTILAH MENENTUKAN SUMBER BERKENAAN KERANA MAKLUMAT SEUMPAMA ITU ADALAH PENTING DALAM MENYEDIAKAN KES PLAINTIF.

BELIAU BERPENDAPAT SUMBER-SUMBER SEBENARNYA MUNGKIN TIDAK WUJUD JIKA MEREKA ENGGAN MENDEDAHKANNYA. -- BERNAMA

1814MST 16 05 88